



KURSUS PEMANTAPAN FASA 1

Persediaan Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal

Pada 11-13 April lalu, seramai 88 orang pelajar mengikuti Kursus Pemantapan Fasa 1 yang didakan di Kem Bina Negara Pasir Panjang, Pulau Pinang. Kursus ini adalah anjuran Unit Latihan dan Kepimpinan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP dengan kerjasama Biro Tata Negara Cawangan Negeri Perlis.

Semua peserta bertolak dari kolej kediaman masing-masing sekitar jam 9.15 pagi dan tiba dalam kem sekitar jam 2.00 petang. Pada jam 3.00 petang sesi taklimat telah disampaikan oleh pihak penganjur dan aktiviti pembentukan kumpulan dilakukan. Sebanyak 8 kumpulan telah dibentuk oleh pihak penganjur dengan keahlian bagi setiap kumpulan 11 orang. Dalam sesi ini, penghulu kursus telah dilantik. Pada waktu petang semua pelajar diajar oleh jurulatih BTN mengenai tatacara asas di padang kawad.

Semua pelajar disajikan dengan santapan rohani selepas solat maghrib oleh penceramah jemputan dari BTN. Ceramah pertama telah bermula pada jam 9.15 malam yang telah disampaikan oleh Y.bhg. Dr. Idris Md. Noor yang merupakan Timbalan Ketua Pengarah Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Tajuk yang disampaikan oleh beliau ialah "Peranan Pemimpin Mahasiswa Melayu". Semua peserta telah disajikan dengan pelbagai maklumat dan info untuk pengetahuan. Sebelum ini banyak perkara yang tidak diketahui umum telah dimaklumkan oleh tuan penceramah. Selesai sahaja tuan penceramah menyampaikan ceramah, En. Mohd. Mustafa Al Bakri, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar UniMAP menyambung satu slot khas bersama dengan pelajar. Beliau telah menunjukkan beberapa fakta dengan pelajar dan universiti untuk tatapan dan renungan pelajar sehingga jam 1.00 pagi.

Hari kedua, semua pelajar dibangunkan sekitar jam 5.00 pagi untuk persiapan solat dan mendengar kuliah subuh. Selesai sahaja mendengar kuliah, semua pelajar bergegas pulang ke asrama untuk aktiviti riadah di

padang kawad. Tepat jam 8.30 pagi, slot terakhir ceramah yang bertajuk " Kaedah Untuk Menjadi Pemimpin " telah di sampaikan oleh Dato' Dr. Ku Rahman Ku Ismail Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guar Cempedak. Beliau merupakan salah seorang pemimpin pelajar di luar negara suatu masa lalu. Banyak pengalaman beliau dicurahkan kepada semua peserta.

Selepas selesai minum pagi, semua peserta di serahkan kepada barisan fasilitator untuk aktiviti Latihan Dalam Kumpulan. 6 jam sesi LDK dijalankan pada hari ini. Pada waktu petang, semua peserta telah melakukan aktiviti River Crossing yang dikendalikan oleh jurulatih.

Seawal jam 2.00 pagi semua pelajar dikejutkan oleh pihak BTN untuk mengadakan aktiviti kembala malam. Pelbagai rintangan dan halangan perlu ditempuhi oleh setiap peserta. Mereka bergerak secara berkumpulan. Tujuannya ialah untuk menguji ketahanan mental & fizikal peserta. Mereka tiba di tepi pantai sekitar jam 5.00 pagi. Selesai membersihkan diri semua peserta solat subuh berserta mendengar kuliah di tepi pantai. Mereka bersarapan di tepi pantai. Selesai sahaja mengalas perut dengan sedikit makanan, sesi Latihan Dalam Kumpulan disambung semula sehingga jam 10.00 pagi. Seterusnya aktiviti menara dijalankan iaitu " Repelling ". Pada jam 12.00 tengahari, rumusan & penutup kursus telah diadakan sehingga jam 1.00 tengahari. Selesai sahaja aktiviti mereka semua menjamu selera sekali lagi di dewan makan. Bas bertolak meninggalkan kem pada jam 2.30 petang untuk bertolak pulang ke UniMAP & tiba di UniMAP sekitar jam 6.30 petang.

Scara keseluruhan kursus ia telah berlangsung dengan jayanya. Tanpa bantuan dan komitmen dari peserta dan juga pihak BTN mungkin ianya tidak dapat dijalankan. Kursus ini telah berjaya mencungkil bakat-bakat kepimpinan yang telah ditonjolkan oleh peserta.